

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Tarikh: 04/2026

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans Insurans Jaminan Pekerja Asing anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Jaminan Insurans Pekerja Asing?

Jaminan ini diperlukan oleh Jabatan Imigresen daripada Majikan di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Imigresen. Ia menjamin pembayaran kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia sehingga jumlah agregat maksimum nilai jaminan sekiranya mana-mana pekerja asing perlu dihantar pulang semasa tempoh mereka berada di Malaysia.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, jika jumlah jaminan di bawah Insurans Jaminan Pekerja Asing ini ialah **RM750.00** bagi setiap pekerja (bergantung kepada kewarganegaraan), dengan kadar premium standard sebanyak 2% dan tempoh selama 18 bulan, anda akan menerima **perlindungan** Insurans Jaminan Pekerja Asing seperti berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
<p>Berikut adalah keadaan di mana Jaminan Insurans boleh dituntut oleh Jabatan Imigresen berhubung pelanggaran peruntukan di bawah Akta Imigresen Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jika pekerja berkahwin atau hamil semasa berada di Malaysia; Jika pekerja terus tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh permit atau visa; Jika majikan gagal menyediakan tambang perjalanan untuk pekerja pulang ke negara asal selepas tamat tempoh permit atau visa; Jika majikan gagal menanggung kos penghantaran pulang jenazah pekerja ke negara asal; Jika majikan enggan membayar gaji pekerja; Jika majikan terlibat dalam aktiviti haram atau menyalahi undang-undang seperti dadah, aktiviti tidak bermoral dan sebagainya; Jika pekerja terlibat dalam sebarang pekerjaan (berbayar atau tidak), perniagaan atau apa-apa aktiviti yang memudaratkan keselamatan dan kesejahteraan Malaysia. <p>Nota: Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung kepada kewarganegaraan pekerja.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tidak melindungi pembantu rumah asing. Sebarang tuntutan yang timbul daripada atau tidak berkaitan dengan sebab-sebab yang dinyatakan di bawah Peraturan 21 Jabatan Imigresen Malaysia.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk maklumat penuh di bawah polisi ini.

Tempoh perlindungan ditetapkan oleh Jabatan Imigresen, bergantung kepada permit kerja, sama ada 13 bulan, 18 bulan atau 26 bulan. Anda perlu membeli jaminan baharu apabila memperbaharui permit pekerja anda.

Nota: Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi Kami di
1-800-888-458



Layari laman web kami di
www.progressiveinsurance.com.my



Emel kami di
customercare@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Jaminan Pekerja Asing, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung kepada kewarganegaraan pekerja dan alamat Imigresen, tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50.00 bagi setiap jaminan insurans yang dikeluarkan.	
Perlindungan Asas	<i>Kewarganegaraan: Nepal Tempoh: 18 bulan Jumlah Jaminan: RM750.00</i> <i>Jumlah diinsuranskan × kadar × tempoh = Premium RM750.00 × 2% × 18/12 bulan = RM22.50 (bagi setiap pekerja) Contoh: RM22.50 × 10 pekerja = RM225.00</i>
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak berkenaan</i>
Premium Kasar	RM225.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	<i>RM18.00</i>
(+) Duti setem	<i>RM10.00</i>
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM253.00
Dimana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada premium asas atau RM22.50

Sila ambil perhatian perkara berikut:

- **Ini adalah ilustrasi.** Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada kewarganegaraan pekerja dan alamat Imigresen.
- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau sepatutnya diketahui yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda. Anda hendaklah mendedahkan semua fakta yang berkaitan secara jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans.
- Jaminan Insurans dikeluarkan atas nama individu atau syarikat tertentu seperti yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen.
- Perlindungan adalah berdasarkan kewarganegaraan pekerja, jumlah jaminan dan tempoh perlindungan.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang perlu dapat dibuat dan diendorseskan ke dalam polisi insurans anda.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** – Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar hendaklah dijelaskan dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, maka Polisi insurans ini akan terbatal secara automatik.
- Anda hendaklah memastikan bahawa butiran pekerja asing anda adalah lengkap dan tepat.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami pejabat Imigresen di mana anda membuat permohonan permit kerja.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda hendaklah merujuk kepada Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkan saya batalkan polisi saya?

- Tidak, jika jaminan insurans telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen.
- Ya, jika polisi tidak dikemukakan kepada Jabatan Imigresen dan jaminan insurans asal dikembalikan kepada kami untuk pembatalan, premium akan dipulangkan selepas ditolak duti setem. Setelah pembatalan dibuat, anda akan menerima bayaran balik premium selepas ditolak amaun yang bersamaan dengan tempoh polisi telah berkuat kuasa, dikira berdasarkan kadar jangka pendek kami, dan tertakluk kepada premium minimum yang akan dikekalkan oleh kami.
- Tiada bayaran balik premium dibenarkan sekiranya terdapat tuntutan di bawah polisi.